

## **PEMILIHAN RESPONDEN BAGI MENGUKUR STRUKTUR PERANAN KELUARGA DALAM KEPUTUSAN MEMBELI\***

**Nik Rahimah Nik Yacob  
Ismail Rejab**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### *SINOPSIS*

*Kertaskerja ini membincangkan aspek-aspek metodologi berhubung dengan pemilihan responden untuk ditemuduga bagi mengukur struktur peranan membuat keputusan membeli dalam sesebuah keluarga. Objektif perbincangan menyentuh persoalan sama ada memadai dengan hanya memilih isteri atau suami sahaja untuk tujuan-tujuan pengukuran. Data-data berhubung dengan keputusan membeli 30 jenis barangan dan perkhidmatan diperolehi dari 868 responden terdiri dari kedua-dua suami dan isteri. Analisa ujian statistik Chi menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang bererti dari segi pengamatan ke atas peranan membuat keputusan di antara suami dan isteri, bagi pembelian lima jenis barangan; makanan ringan (snacks), motosikal, pakaian anak-anak, alat mainan dan majalah kanak-kanak. Dari itu untuk barangan tersebut, salah seorang dari suami atau isteri sudah memadai untuk ditemuduga bagi mendapatkan struktur peranan membuat keputusan dalam keluarga. Untuk barangan lain pemilihan responden akan menjadi kritikal.*

### *SYNOPSIS*

*This paper discusses the methodological problem of selecting respondents to measure family role structure in decision to buy consumer goods and services. The research question focuses on the choice of selecting either the husband or the wife for purposes of measuring the role structure. Research data on decision to buy 30 consumer items were obtained from 868 respondents consisting of both husbands and wives. Chi-square analysis indicated that there was no significant difference in perception pertaining to the decision to buy five items; snacks, motorcycles, children's clothes, toys and magazines. The implication is clear that it is methodologically sufficient to select either spouse to measure perception of purchase decision. For other items the selection of respondent is deemed critical.*

Dalam mengkaji struktur peranan keluarga dari segi membuat keputusan membeli, keputusan asas yang perlu dibuat oleh penyelidik ialah siapakah yang harus dipilih untuk menjawab soalselidik. Keputusan untuk memilih siapa yang akan dijadikan sebagai responden amat penting kerana pengamatan seseorang ahli keluarga terhadap peranan ahli keluarga yang lain mungkin berbeza. Jika benar pengamatan mereka berbeza, maka keputusan untuk memilih hanya

---

\*Penyelidikan ini dibiayai oleh Gran Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, No. 48/82.

siisteri atau sisuami akan menjejaskan hasil kajian dari segi gambaran struktur peranan di kalangan keluarga itu. Tambahan lagi, jika kedua-dua suami dan isteri ditemuduga, kos penyelidikan untuk meliputi jumlah keluarga yang sama akan berganda, berbanding dengan hanya menemuduga salah seorang daripada ahli keluarga sahaja. Kadar kerjasama dari responden juga akan berkurangan kerana ini akan memerlukan kedua-dua suami dan isteri untuk menjawab soalselidik yang sama.

### TUJUAN

Tujuan kertaskerja ini ialah untuk meninjau sama ada memadai dengan hanya menyoal siisteri atau sisuami sahaja untuk mengukur struktur peranan keluarga dalam membuat keputusan membeli. Satu kajian telah dijalankan di mana sisuami atau siisteri perlu menyatakan siapakah yang membuat keputusan membeli 30 jenis keluaran. Darjah persetujuan di antara jawapan-jawapan suami dan isteri ditentukan dengan menggunakan ujian gandadua Chi. Kajian ini terhadap dari segi penganalisaannya kepada asas agregat, kerana hanya sisuami atau siisteri sahaja dalam sesebuah keluarga yang dikehendaki mengisi soalselidik. Penentuan darjah persetujuan di kalangan keluarga hanya dapat dilakukan sekiranya kedua-dua suami dan isteri disoal secara berasingan seperti yang telah dijalankan dalam beberapa kajian.<sup>1</sup>

### ASAS KAJIAN

Kajian-kajian yang lepas telah banyak mempertikaikan masalah memilih responden untuk mengukur struktur peranan keluarga. Hasil-hasil yang dilaporkan adalah bertentangan, di mana setengah-setengah kajian mendapati bahawa jawapan siisteri tidak membayangkan dengan kadar kekerapan yang tinggi berbanding dengan jawapan sisuami, dan sebaliknya.<sup>2</sup> Kajian-kajian yang lain pula mendapati

---

<sup>1</sup>Lihat, umpamanya, Harry L. Davis dan Benny P. Rigaux, "Perception of Marital Roles in Decision Processes", *Journal of Consumer Research*, Vol. 1 (June 1974), Hlm. 51 - 61; Pierre Filiatrault dan J.R. Brent Ritchie, "Joint Purchasing Decisions: A Comparison of Influence Structure in Family and Couple Decision-Making Units", *Journal of Consumer Research*, Vol. 7 (September 1980), Hlm. 131 - 140.

<sup>2</sup>Robert Ferber, "On the Reliability of Purchase Influence Studies" *Journal of Marketing*, Vol. 19 (Jan. 1955), Hlm. 225 - 232. John Scanzoni "A Note on the Sufficiency of Wife Responses in Family Research", *Pacific Sociological Research*, Volume 8 (Fall 1965), Hlm. 109 - 115.

bahawa jawapan suami dan isteri menepati di antara satu sama lain dengan sempurna dan bererti.<sup>3</sup>

Engel, Kollat dan Blackwell pula telah membuat kesimpulan bahawa memang wujud persamaan di antara jawapan isteri dan suami pada asas agregat, tetapi wujud perbezaan yang ketara apabila dianalisis secara berasingan di kalangan ahli-ahli keluarga.<sup>4</sup> Rumusan ini disokongi oleh Davis yang mendapati bahawa sudah memadai dengan hanya memilih si isteri atau si suami sahaja bagi mendapatkan maklumat mengenai pengaruh ahli-ahli keluarga secara keseluruhan.<sup>5</sup>

Apabila penyelidik ingin menjelaskan perbezaan dalam struktur peranan di kalangan keluarga, darjah persetujuan di kalangan keluarga menjadi kritikal dan pemilihan hanya isteri atau suami sahaja adalah tidak memadai.<sup>6</sup> Hempel di dalam kajiannya juga telah dapat membuktikan bahawa gambaran lengkap mengenai struktur peranan keluarga tidak dapat diperolehi dengan hanya menilai jawapan suami atau isteri, tetapi memerlukan jawapan kedua-dua suami isteri. Darjah persetujuan di antara jawapan suami dan isteri adalah berkait rapat dengan beberapa faktor seperti saiz keluarga, peringkat di dalam edaran hayat dan corak hidup.<sup>7</sup> Perbezaan darjah persetujuan juga wujud di antara pasangan yang mempunyai anak dan yang tidak mempunyai anak.<sup>8</sup> Kelamin yang tidak mempunyai anak mencapai darjah persetujuan yang lebih tinggi daripada yang mempunyai anak. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa anak-anak juga mempunyai peranan dalam proses membuat keputusan membeli.

#### KAEDAH PENYELIDIKAN

Sebanyak 1,500 soal selidik telah diedarkan kepada penduduk-penduduk di kawasan tertentu di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

<sup>3</sup>Robert O. Blood, Jr. dan Donald M. Wolfe, *Husbands and Wives: The Dynamics of Married Living* (New York: Free Press, 1960), Hlm. 273; David M. Heer, "Husband and Wife Perceptions of Family Power Structure", *Marriage and Family Living*, Vol. 36 (Feb. 1962), Hlm. 65 - 67; Elizabeth H. Wolgast, "Do Husbands or Wives Make the Purchasing Decisions?", *Journal of Marketing* (October 1958), Hal. 157 - 158.

<sup>4</sup>James F. Engel, David T. Kollat dan Roger D. Blackwell, *Consumer Behavior*, 2nd. Ed., Hinsdale, Illinois: The Dryden Press (1968), Hlm. 204.

<sup>5</sup>Harry L. Davis, "Measurement of Husband and Wife Influence in Consumer Purchase Decisions", *Journal of Marketing Research*, Vol. 8 (August 1971), Hlm. 305 - 312.

<sup>6</sup>Davis dan Regaux, *op. cit.*

<sup>7</sup>Donald J. Hempel, "Family Buying Decisions: A Cross Cultural Perspective", *Journal of Marketing Research*, Vol. XI (August 1974), Hlm. 295 - 302.

<sup>8</sup>Filiatrault dan Ritchie, *op. cit.*

Dari jumlah ini, sebanyak 868 soalselidik telah diterima kembali. Ini memberikan kadar respons sebanyak 58%. Kadar ini dianggap sebagai sangat baik apabila dibandingkan dengan penemuan Kanuk dan Berenson untuk kajian-kajian melalui pos di mana purata kadar respons ialah hanya 37% apabila hadiah-hadiah percuma sebagai insentif tidak ditawarkan.<sup>9</sup>

Kaedah persampelan yang digunakan lebih mirip kepada bukan berkebarangkalian dan melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama merupakan pemilihan kawasan tertentu di mana faktor pendapatan, keturunan dan daerah tempat tinggal diambilkira kerana faktor-faktor ini mungkin mempengaruhi struktur peranan membeli dalam sesebuah keluarga. Peringkat kedua, melibatkan pemilihan isirumah untuk diedarkan soalselidik. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada kaedah persampelan bersistem di mana setiap rumah ketiga dipilih. Tempat permulaan adalah jalan yang mula-mula ditempuhi, dan isirumah pertama ditentukan secara rawak (rambang).

Soalselidik diisi sendiri oleh siisteri atau sisuami. Setelah diisi, soalselidik tersebut dipungut kembali pada masa yang telah ditetapkan. Penggunaan kaedah pengisian sendiri dan tidak temuduga adalah bersesuaian dengan penemuan Kenkel bahawa jantina penemuduga atau pemerhati akan memberi kesan ke atas tanggapan terhadap peranan yang dikatakan dipegang oleh suami atau isteri dalam sesuatu situasi pembelian.<sup>10</sup>

Senarai 30 jenis keluaran atau keputusan yang dikemukakan kepada responden dapat dikelaskan secara generis kepada kategori-kategori berikut:

- 1/ Barang-barang kegunaan sendiri (seperti pakaian dan alat solek).
- 2/ Barang-barang rumah dan kegunaan keluarga secara am (seperti makanan dan ubat gigi).
- 3/ Barang-barang berharga (seperti kenderaan dan perabot).
- 4/ Barang-barang kegunaan anak-anak (seperti mainan dan pakaian).
- 5/ Lain-lain keluaran atau keputusan (seperti insuran nyawa dan penyediaan untuk masa depan anak-anak).

---

<sup>9</sup>Leslie Kanuk dan Conrad Berenson, "Mail Surveys and Response Rates: A Literature Survey", *Journal of Marketing Research*, Vol. XII (November 1975), Hlm. 442 - 448.

<sup>10</sup>William F. Kenkel, "Sex of Observer and Spousal Roles in Decision-Making", *Marriage and Family Living*, Vol. 23 (May 1951), Hlm. 185 - 186.

Para responden dikehendaki menentukan siapakan di antara ahli-ahli keluarga yang memegang peranan utama untuk membuat keputusan membeli setiap jenis barangan yang disenaraikan. Untuk tujuan ini responden memilih salah satu dari struktur peranan membuat keputusan mengikut skil yang berbentuk nominal seperti di bawah:

- 1 = Suami membuat keputusan sepenuhnya;
- 2 = Suami lebih banyak membuat keputusan berbanding dengan isteri;
- 3 = Suami dan isteri sama-sama membuat keputusan;
- 4 = Isteri lebih banyak membuat keputusan berbanding dengan suami;
- 5 = Isteri membuat keputusan sepenuhnya;
- 6 = Anak-anak membuat keputusan sepenuhnya; dan
- 7 = Seluruh anggota keluarga membuat keputusan.

Ternyata dari skil jawapan di atas bahawa pengaruh anak-anak juga diambilkira untuk menentukan struktur peranan dalam membuat keputusan membeli. Seperti yang dinyatakan oleh Engel, Kollat dan Blackwell, kebanyakan kajian hanya mengukur pengaruh suami dan isteri sahaja, tanpa mengkaji pengaruh anak-anak secara mendalam.<sup>11</sup> Dengan cara ini maklumat-maklumat yang diperolehi mungkin menjadi bias. sekiranya skil jawapan dihadkan kepada suami dan isteri sahaja, manakala sebenarnya anggota-anggota keluarga yang lain juga mempunyai pengaruh yang kuat ke atas keputusan membeli setengah-setengah item keluaran, seperti barang-barang mainan, makanan, pakaian dan sebagainya.

### HASIL KAJIAN

Untuk melihat pertalian di antara siapa yang menjawab soalselidik dan siapa yang ditanggap sebagai membuat keputusan membeli, selisihan jadual telah dibuat untuk setiap item keluaran atau keputusan yang dikemukakan. Seterusnya ujian gandadua Chi telah digunakan untuk menentukan paras keertian bagi setiap pertalian tersebut. Hasil yang diperolehi adalah seperti di dalam Jadual I. Pertalian yang tidak mencapai paras keertian sekadar 0.05 dianggap sebagai gagal menunjukkan wujudnya hubungan di antara dua unsurubah yang telah diuji.

Jika diteliti Jadual I, daripada item-item yang disenaraikan terdapat lima keluaran, iaitu makanan ringan, motosikal, pakaian anak-anak, alat mainan dan majalah kanak-kanak yang tidak mencapai

---

<sup>11</sup>Engel, Kollat dan Blackwell, *op. cit.*



JADUAL 1. Hasil Ujian Statistik Gandadua Chi Untuk 30 Item Keluaran/Keputusan

Item Keluaran/ Keputusan	Paras Keertian Ujian Gandadua Chi	Pembuat keputusan paling kerap mengikut siapa menjawab:	
		Suami Sebagai Responden	Isteri Sebagai Responden
Barang-barang kegunaan sendiri:			
1. Pakaian responden	0.0001	Suami	Isteri
2. Pakaian sumai/isteri responden	0.0001	Isteri	Suami
3. Alat solek responden	0.0001	Suami	Isteri
4. Alat solek suami/isteri	0.0001	Isteri	Suami
5. Alat Sukan	0.0001	Suami	Suami
6. Majalah untuk lelaki	0.0036	Suami	Suami
7. Majalah untuk wanita	0.0001	Isteri	Isteri
Barang-barang rumah dan kegunaan keluarga secara am:			
8. Makanan	0.0003	Bersama	Isteri
9. Syampoo	0.0001	Isteri	Isteri
10. Sabun mandi	0.0003	Isteri	Isteri
11. Makanan ringan (snacks)	0.2287	Bersama	Bersama
12. Ubat gigi	0.0001	Bersama	Isteri
13. Radio	0.0047	Bersama	Bersama
14. Akhbar	0.001	Suami	Bersama
15. Majalah hiburan	0.115	Bersama	Bersama
16. Majalah ilmiah	0.0278	Suami	Bersama
17. Perbelanjaan mingguan untuk makanan	0.0003	Bersama	Bersama
* Barang-barang berharga:			
18. Perabot	0.0032	Bersama	Bersama
19. Televisyen	0.0001	Bersama	Bersama
20. Kereta	0.0001	Suami	Suami
21. Motosikal	0.5988	Suami	Suami
22. Basikal	0.0346	Suami	Suami
23. Rumah	0.0001	Bersama	Bersama
Barang kegunaan anak-anak:			
24. Pakaian anak-anak	0.1151	Bersama	Bersama
25. Alat mainan	0.1773	Bersama	Bersama
26. Majalah kanak-kanak	0.3093	Anak-anak	Anak-anak
Lain-lain keluaran atau keputusan:			
27. Insuran nyawa	0.0002	Suami	Suami
28. Keperluan perubatan	0.0001	Bersama	Bersama
29. Masa depan anak-anak	0.0001	Bersama	Bersama
30. Rumah untuk disewa	0.0001	Bersama	Bersama

paras keertiaan yang telah ditetapkan. Agak nyata bahawa siapa sahaja yang menjawab soalselidik itu, sama ada isteri atau suami, tanggapan mereka ke atas struktur peranan dalam proses membuat keputusan membeli untuk kelima-lima barangan tersebut, adalah tidak berbeza. Dengan lain perkataan, pengamatan siisteri terhadap peranan sisuami atau sebaliknya memang tidak berbeza untuk barangan-barangan itu oleh kerana wujudnya kestabilan tanggapan terhadap peranan masing-masing. Maka dari itu masalah memilih responden tidak akan menjadi genting.

Untuk item-item selain daripada item-item tadi, pemilihan responden menjadi kritikal kerana kemungkinan wujudnya pengamatan yang berbeza. Tetapi jika diteliti dengan lebih mendalam dengan melihat siapa yang membuat keputusan paling kerap, dan mengikut siapa yang menjawab untuk item-item ini, perbezaan pengamatan adalah tidak ketara kecuali untuk empat item iaitu makanan, ubat gigi, akhbar dan majalah ilmiah.

Untuk makanan dan ubat gigi, umpamanya, jika suami yang menjawab ia akan lebih cenderung menyatakan bahawa pembelian dua barangan itu lebih merupakan keputusan bersama; manakala apabila isteri yang menjawab ia cenderung menyatakan bahawa pembelian itu adalah hasil dari keputusannya sendiri. Sebaliknya untuk akhbar dan majalah ilmiah, jika suami yang menjawab ia akan menyatakan bahawa pembelian itu merupakan keputusannya, dan jika isteri yang menjawab ia menyatakan bahawa pembelian barangan tersebut adalah sebagai hasil keputusan bersama. Pemilihan responden menjadi amat kritikal untuk menentukan tanggapan terhadap peranan membuat keputusan membeli keempat-empat barangan ini, oleh kerana wujudnya perbezaan yang amat ketara dalam pengamatan terhadap peranan. Oleh itu untuk memahami struktur peranan keluarga dengan lebih tepat, sebaik-baiknya kedua-dua suami dan isteri ditemuduga dan jarak persamaan pada jawapan di antara kedua-duanya diambil kira sepenuhnya.

Masalah pemilihan responden juga timbul untuk menentukan peranan dalam pembelian item-item selain daripada makanan ringan, motosikal, pakaian anak-anak, alat mainan, majalah kanak-kanak, makanan, ubat gigi, akhbar dan majalah ilmiah kerana ujian statistik gandadua Chi dengan jelas menunjukkan perbezaan di antara jawapan suami dan isteri walaupun bentuk jawapan mereka adalah sama.

#### BATASAN KAJIAN

Seperti yang telah dinyatakan awal tadi, kesimpulan mengenai struktur peranan membeli di kalangan semua ahli keluarga tidak dapat dibuat dalam kajian ini, kerana batasan ke atas pemilihan responden,

di mana hanya si isteri atau si suami sahaja dalam sesebuah keluarga yang dipilih untuk mengisi soalselidik ini. Di samping itu, persampelan isirumah yang hanya meliputi daerah-daerah tertentu di Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja, mungkin menghadkan daya penyeluruhan (*generalization*) hasil kajian ini. Oleh kerana soalselidik diselenggarakan melalui teknik pengisian sendiri (*self-administered*), terdapat kemungkinan bagi suami dan isteri yang mengisi soalselidik secara sepakat walaupun arahan dalam soalselidik melarang mereka untuk berbuat demikian. Pakatan di antara suami dan isteri tentu sekali akan meningkatkan korelasi pincang (*spurious correlation*) di antara tanggapan isteri dan suami terhadap struktur peranan membuat keputusan membeli.

### KESIMPULAN

Masalah pemilihan responden untuk mengukur struktur peranan keluarga dalam membuat keputusan membeli akan timbul untuk kebanyakan jenis keluaran kecuali bagi barangan keperluan anak-anak, makanan ringan dan motosikal. Penyelidik boleh memilih sama ada suami atau isteri sebagai responden untuk mengukur peranan membuat keputusan membeli barangan tersebut di atas, oleh kerana wujudnya persamaan dari segi pengamatan terhadap struktur peranan membuat keputusan membeli. Tetapi untuk item-item lain yang disenaraikan dalam Jadual 1 di atas, proses pemilihan responden akan menimbulkan masalah oleh kerana wujudnya pengamatan yang berbeza di antara isteri dan suami.

Jika penyelidik hanya ingin melihat proses membuat keputusan secara kasar, pemilihan salah seorang, sama ada isteri atau suami sebagai responden, adalah memadai untuk memberi gambaran tersebut. Tetapi gambaran yang lebih lengkap hanya dapat diperolehi menerusi tanggapan kedua-dua suami dan isteri secara berasingan. Seterusnya persamaan nilai tanggapan di antara isteri dan suami seharusnya digunakan sebagai asas pengukuran struktur peranan membuat keputusan membeli barangan dan perkhidmatan. Akhirnya, jika struktur peranan seluruh ahli keluarga perlu dikaji, maka tanggapan setiap ahli seharusnya diukur, walaupun usaha ini akan merumitkan metodologi kajian.